

PENJAWAT AWAM DAN UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Penjawat awam adalah sebahagian daripada warganegara Malaysia yang tertakluk kepada undang-undang. Kedudukan sebagai jentera penggerak kepada pentadbiran awam tidak menyebabkan mereka mempunyai keistimewaan dari segi undang-undang. Malahan, akses kepada dokumen-dokumen sulit kerajaan memerlukan pemantauan yang ketat kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan undang-undang bertulis yang lain.

Apa yang lebih penting, sebagai penjawat awam, mereka boleh memberi contoh teladan yang baik kepada rakyat dengan menjadi sentiasa mematuhi undang-undang. Tindakan segelintir penjawat awam yang sering melanggar undang-undang sudah pasti akan mencemar imej perkhidmatan awam. Sebagai seorang penjawat awam, pematuhan kepada undang-undang negara sewajarnya menjadi teras kepada kehidupan harian.

SIAPAKAH PENJAWAT AWAM?

Kepelbagaiannya aktiviti jabatan kerajaan dan pelantikan pegawai di banyak peringkat kadangkala menimbulkan persoalan adakah pegawai tersebut adalah pegawai awam. Sebagai contoh, ada pegawai yang dilantik di syarikat kerajaan. Di samping itu ada pegawai awam yang dilantik secara kontrak atau tempoh kontrak berdasarkan kepada tempoh sesuatu projek. Malahan ada dikalangan pegawai kerajaan yang dibayar gajinya secara harian. Di samping itu ada juga pegawai kerajaan yang dilantik melalui lantikan politik misalnya, setiausaha sulit menteri, pegawai khas dan

sebagainya. Adakah mereka ini pegawai awam? Bagi menjawab persoalan ini, undang-undang memberikan takrifan pegawai awam misalnya di bawah Seksyen 21 Kanun Kesekaan menyatakan seperti berikut dan telah

“...The words "public servant" denote a person falling under any of the descriptions hereinafter following:

- (a) *(Deleted by L.N. (N.S.) 1 of 1957);*
- (b) *every Commissioned Officer in the Malaysian Armed Forces;*
- (c) *every Judge;*
- (d) *every officer of a Court whose duty it is, as such officer, to investigate or report on any matter of law or fact, or to make, authenticate, or keep any document, or to take charge or dispose of any property or to execute any judicial process, or to administer any oath, or to interpret, or to preserve order in the Court, and every person specially authorized by a Court to perform any of such duties;*
- (e) *every juryman or assessor assisting a Court or public servant;*
- (f) *every arbitrator or other person to whom any cause or matter has been referred for decision or report by any Court, or by any other competent public authority;*
- (g) *every person who holds any office by virtue of which he is empowered to place or keep any person in confinement;*
- (h) *every officer of Government whose duty it is, as such officer, to prevent offences, to give information of offences, to bring offenders to justice, or to protect the public health, safety or convenience;*
- (i) *every officer whose duty it is, as such officer, to take, receive, keep or expend any property, on behalf of Government, or to make any survey, assessment, or contract on behalf of Government, or to execute any revenue process, or to investigate, or to report on any matter affecting the pecuniary interests of Government, or to make, authenticate, or keep any*

document relating to the pecuniary interests of Government, or to prevent the infraction of any law for the protection of the pecuniary interests of Government, and every officer in the service or pay of Government, or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty;

(j) every officer whose duty it is, as such officer, to take, receive, keep or expend any property, to make any survey or assessment, or to levy any rate or tax for any secular common purpose of any village, town or district, or to make, authenticate or keep any document for the ascertaining of the rights of the people of any village, town or district.

Explanation 1 - Persons falling under any of the above descriptions are public servants, whether appointed by the Government or not.

Explanation 2 - Whether the words "public servant" occur, they shall be understood of every person who is in actual possession of the situation of a public servant, whatever legal defect there may be in his right to hold that situation."

Begin juga takrifan pegawai awam juga terdapat di dalam beberapa undang-undang bertulis yang lain. Namun ia tidak dapat lari dari takrifan umum penjawat awam di bawah Kanun Kesejahteraan tersebut.

Mahkamah Persekutuan baru-baru ini telah memberikan garis panduan yang terperinci bagi menentukan sama ada seseorang pegawai tersebut adalah pegawai awam atau sebaliknya. Ini dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia di dalam kes ***Mohd Khir bin Toyo v. Pendakwa Raya [2015] 8 CLJ 769.***

"...There is no definition of "officer" in the Code. But section 21(i) of the Code provides that "the words 'public servant' denotes ... every officer in the service or pay of Government, or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty" (Emphasis added). Accordingly, every officer in the service or pay of Government, which "includes the

Government of Malaysia and of the States and any person lawfully performing executive functions of Government under any written law" (see section 17 of the Code) or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty is a public servant (*Lim Kee Butt v PP* [1954] 1 MLJ 35, per Matthew CJ, delivering the judgment of the court, who cited *Nazamuddin v Queen Empress* ILR 28 C 344). 69 "The test to determine whether a person is a public servant is (1) in the service or pay of the Government and (2) whether he is entrusted with the performance of an public duty" (*Ratanlal & Dhirajlal, The Indian Penal Code* 34th Edition at page 29). As Chief Minister, the Appellant was the presiding member of the State Executive Council (Article 53(2) of the Constitution of the State of Selangor). The Appellant was also a member of the State Legislative Assembly (Article 63 of the Constitution of the State of Selangor). Pursuant to Article 53(9) of the Constitution of the State of Selangor, the Legislature provided for remuneration to members of the State Executive Council. Pursuant to Article 74 of the Constitution of the State of Selangor, the Legislature provided for remuneration to members of the Legislature. As Chief Minister and member of the state legislature, the Appellant was clearly in the pay of Government. As head of the State Executive Council which exercised the executive authority of the State (Article 50 of the Constitution of the State of Selangor), the Appellant was in the service of Government. And as Chief Minster, the Appellant was paid by Government and entrusted with the performance of a public duty, which meant that he was an 'officer' under section 21(i) of the Code (*G. A Monterio v State of Ajmer* AIR 1957 SC 13 at 15, which was followed in *The State of Ajmer v Shivji Lal* [1959] Supp. 2 S.C.R. 739; *State of Gujarat v M.P. Dwivedi* AIR 1973 SC 330 at 333). Even on one factor alone, namely appointment to the office for the performance of a 70 public duty, the Appellant was a 'public servant' (*QueenEmpress v Parmeshar Dat* 1886 ILR Vol III 201 at 202; *The Queen v Ramkrishna Das & ors* 1871 Bengal Law Reports (Vol VII) 446 at 448) and an 'officer' (*Ismail Mohamed Hajee and other v The King* (28) AIR 1941 Rangoon 349 at 350; *Emperor v Karam Chand Gobind Ram* 1944

Cr.L.J. (Vol 45) 64 at 65). For pursuant to explanation 2 section 21 IPC, which is identical to explanation 2 of section 21 of the Code, anyone in actual possession of the situation of a public servant is a public servant, notwithstanding any defect in the appointment (Bajrang Lal & anor v State of Rajasthan 1976 CR.L.J 727 at 730; Brijbehari v Emperor (28) AIR 1941 Patna 539 at 542). Whichever, as Chief Minister or ‘officer’ or as one in the pay or service of Government, the Appellant was a ‘public servant’ within the meaning of the Code. It was argued that the words “every officer in the service or pay of Government, or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty” in the last sentence of section 21(i) of the Code was dissented from section 21 clause (9) IPC and re-enacted as a new clause (12) with the words “every person” instead of “every officer”. The trust of that argument was that there is a difference between sections 21(i) of the Code and section 21 IPC. There was no elaboration from learned counsel as to how that difference 71 impacted on the construction of section 21(i) of the Code (see Submission on “Public Servant” Part B paragraph 3). In R.S. Nayak v A.R. Antulay AIR 1984 SC 684, the Supreme Court of India imparted the following narrative on the historical evolution of section 21(i) IPC. Prior to 1964, section 21 clause (9) IPC was identical to section 21(i) of the Code. Pursuant to amending Act 40 of 1964, the words “every officer in the service or pay of Government, or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty” were severed from clause (9) and re-enacted as a new clause (12)(a). However, the words “every officer” were amended to read as “every person” in the new clause (12)(a). On the effect of those amendments, the Supreme Court of India in R.S. Nayak v A.R. Antulay said, at paragraph 43: “ ... the amendment of clauses (9) and (12) did not bring about any change in the coverage and construction of those 2 clauses prior to and since their amendment.” Since section 21(i) of the Code was identical to the preamendment section 21 clause (9) IPC, it should be preferable to first appreciate the coverage and construction of the preamended section 21 clause (9) IPC. In Shiv Bahadur Singh v State of Vindhya Pradesh AIR 1953 SC 394, the appellants were

respectively the Minister for Industries and the Secretary to the 72 Government, Commerce and Industries Department of the then United State of Vindhya Pradesh. The appellants were charged for criminal conspiracy and for taking of illegal gratification by a public servant for doing an official act, and for the commission of forgery in connection therewith. One charge was under section 161 IPC. Ordinance 48 of 1949 had amended the IPC by substituting for the previous first clause of section 21 IPC with the phrase “every Minister of State”. As to whether a Minister of State was a public servant before Ordinance 48 of 1949, that is, when the phrase “every Minister of State” was not there, the Supreme Court of India in *Shiv Bahadur Singh v State of Vindhya Pradesh* said: “But it does not follow that a ‘Minister of State’ was not a public servant as defined in section 21, Indian Penal Code, even before this amendment. Clause 9 of S. 21 I.P.C. shows that every officer in the service or pay of the Crown for the performance of any public duty is a ‘public servant’. The decision of the Privy Council in *Emperor v Sibnath Banerji*, AIR 1945 PC 156 at pp 162 and 163 is decisive to show that a Minister under the Government of India is an officer subordinate to the Governor. On the same reasoning there can be no doubt that the Minister of Vindhya Pradesh would be an ‘officer’ of the State of Vindhya Pradesh.” In effect, in those 2 decisions, the Supreme Court of India held that a Minister of State is a ‘public servant’ as defined in the pre-amendment section 21 clause (9) IPC, and that amending Act 40 of 1964 had not brought any changes 73 thereto. The submission that there was a material difference between the pre and post amendment section 21 IPC, because of a separate clause (12) with the phrase “every person” instead of “every officer”, was entirely against authority and had no merit whatsoever. The interpretation of the Supreme Court of India was that the pre-amendment section 21 clause 9 IPC covered a Minister of State. Whoever in the pay or service of Government or remunerated by fees or commission for the performance of any public duty is a ‘public servant’. A Minister who is both in the pay and service of Government, is clearly a ‘public servant’. That was stated by the Supreme Court of India in *Dattatraya Narayan Patil v The*

*State of Maharashtra AIR 1975 SC 1685 at 1688, M Karunanidhi v Union of India AIR 1979 SC 898, at 913, and R. Balakrishna Pillai v State of Kerala AIR 1996 SC 901 at 920, and by the High Court in Ramditta Mal L Duni Chand v Emperor AIR 1939 (Nagpur) 38 at 39, Bakshi Ghulam Mohd v G.M. Sadiq AIR 1968 Jammu & Kashmir 98 at 102, Nar Bahadur v State of Sikkim 1996 CR.L.J. 3413 at 3417, and Rajendra Kumar Singh and etc v State of Madhya Pradesh 1999 Cr.L.J. 2807 at 2819. A peon of the Collector's Court who received no fixed pay but was remunerated by fees was a 'public servant' (*The Queen v Ramkrishna Das & anor, supra*). A clerk in a Government Collectorate was a 'public servant' (*Jugal Singh v 74 Emperor AIR (30) 1943 Patna 315*). A Chief Minister is not? A Chief Minister is a 'public servant', if there is any need for a reminder. The Appellant remained a 'public servant' even while he wore the hat of Chairman of PKNS, for the Appellant ceased not to be a 'public servant' just because he wore a different hat or hats. The 1st ingredient of "public servant" was proved."*

Secara ringkasnya jika seseorang itu menerima bayaran gaji daripada kerajaan dan ia tergolong di dalam takrifan penjawat awam di bawah Seksyen 21 Kanun Keseksaan, beliau adalah merupakan penjawat awam tanpa mengira jawatannya di dalam sesebuah jabatan kerajaan. Apabila seseorang itu telah tergolong di dalam takrifan penjawat awam, undang-undang yang berkaitan dengan penjawat awam secara khusus adalah terpakai kepadanya.

ASAS KEPADA PELANTIKAN SEORANG PENJAWAT AWAM

Secara umumnya seseorang penjawat awam adalah berkhidmat di atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong sekiranya beliau adalah penjawat awam Persekutuan dan limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri sekiranya beliau adalah

seorang kakitangan awam negeri. Seperti yang dinyatakan di bawah perkara 132 (2) Perlembagaan Persekutuan

“...(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Perlembagaan ini, kelayakan bagi pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan orang dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam, selain orang dalam perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (g) Fasal (1), boleh dikawal selia melalui undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedemikian, oleh Yang di-Pertuan Agong; dan kelayakan bagi pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan orang dalam perkhidmatan awam mana-mana Negeri boleh dikawal selia melalui undang-undang Negeri dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedemikian, oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu.

(2a) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (a),(b), (c), (d), (f) dan (h) Fasal (1) memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan Negeri itu, tiap-tiap orang yang menjadi anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.”...

Ini bermakna kedudukan seorang penjawat awam adalah dinyatakan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penjawat awam untuk menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan-Sultan atau Raja dan Yang di-Pertua Negeri. Ini adalah dikehendaki oleh undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan. Sebarang tindakan penjawat awam yang membelaikan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan diperkenankan

oleh Yang di-Pertuan Agong atau Sultan dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima dilakukan oleh seorang penjawat awam. Semua penjawat awam perlu menyedari bahawa kepatuhan kepada undang-undang adalah merupakan asas kepada pelaksanaan tugas mereka. Ia juga adalah sejajar dengan salah satu daripada prinsip rukun negara iaitu Kedaulatan Undang-undang. Adalah sesuatu yang tidak wajar untuk seorang penjawat awam menjadi peggerak utama kepada tindakan yang membelakangkan undang-undang.

Bagi tujuan perbincangan kertas ini, hanya beberapa aspek undang-undang yang berkaitan dengan penjawat awam akan dibincangkan. Ia bertujuan bagi memberi gambaran umum berkenaan hubung kait di antara undang-undang dan penjawat awam. Secara umumnya terdapat tiga kategori yang melibatkan undang-undang dan penjawat awam.

Ia terdiri daripada berikut:

- a) Perlembagaan Persekutuan dan penjawat awam,
- b) Undang-undang jenayah dan penjawat awam,
- c) Hak penjawat awam di sisi undang-undang.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN PENJAWAT AWAM

Sebagai seorang penjawat awam yang dilantik di bawah kuatkuasa perlembagaan persekutuan, maka mereka diharapkan menjalankan tugas dan tanggungjawab bersesuaian dengan kehendak undang-undang. Malahan kedudukan mereka di sisi undang-undang berkaitan dengan pembuangan kerja tertakluk kepada Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan. Dalam erti kata lain, jawatan seorang pegawai awam dijamin

di bawah perlembagaan persekutuan. Pembuangan kerja penjawat awam adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan dan tidak boleh ditamatkan perkhidmatan sewenang-wenangnya tanpa mematuhi prinsip keadilan asasi dan hak untuk didengar. Begitu juga Perkara 136 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa anggota Perkhidmatan Persekutuan dari apa-apa kaum juga dalam tingkat yang sama dalam perkhidmatan hendaklah diberi layanan yang sama rata. Jaminan yang diberikan di dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut sepatutnya meyakinkan penjawat awam bahawa mereka tidak boleh ditamatkan perkhidmatan tanpa mematuhi proses perundangan dan prosedur yang telah ditetapkan. Oleh itu mereka tidak perlu gentar untuk menjalankan tugas mereka dengan sewajarnya sekiranya mereka tidak melakukan sesuatu yang melanggar peraturan tatatertib yang membolehkan mereka ditamatkan perkhidmatan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini segala tindakan kakitangan awam tersebut seharusnya tidak bercanggah dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-perintah am, pekeliling dan surat-surat pekeliling serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan. Ini sejajar dengan surat akujanji yang ditandatangani oleh pegawai awam seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 4 Peraturan-peraturan pegawai awam (kelakuan dan tatatertib) 1993.

Di samping itu, Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan memberi perlindungan kepada hak-hak pencen. Ia membawa maksud apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain elauan yang diberikan kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam atau balunya atau anak-anaknya atau orang tanggungannya atau wakil dirinya tidak boleh dikurangkan faedah tersebut. Dalam ertikata lain hak kakitangan awam kepada pencen

bagi mereka yang memilih berada di bawah skim berpencen adalah dilindungi di bawah perlembagaan.

Hak dan seorang penjawat awam yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan perlu diseimbangkan dengan tanggungjawab penjawat awam. Di antara tanggungjawab yang penting adalah mematuhi segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Ia termasuk juga arahan pertukaran yang dibuat secara sah oleh sesuatu jabatan. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan & ORS. v. Loot Ting Yee [1982] 1MLJ 68**

“...In our view as a civil servant holds office during pleasure, not only the length of his service is subject to pleasure but the place and time of his service is also similarly subject to pleasure. The only difference is that as regards dismissal and reduction in rank procedural safeguards contained in Article 135 must be observed, whereas in cases of transfer and other matters no such safeguards need be followed. Thus whether a civil servant should be transferred, and if so where and when the transfer is to be made are matters for the government to decide. No useful purpose could thus be served in this case by holding a full trial of the respondent's allegations of mala fide and unreasonableness.”

Selain daripada itu, penjawat awam juga dikehendaki untuk menghormati hak-hak warganegara Malaysia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia terutamanya Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan Kebebasan Asasi. Iaitu Perkara 5 Kebebasan Asasi, larangan keabdi dan kerja paksa (Perkara 6), perlindungan daripada undang-undang jenayah berkuatkuasa ke belakang dan perbicaraan berulang (Perkara 7), hak sama rata (Perkara 8), larangan buangan negeri (perkara 9), kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh

persatuan (Perkara 10), kebebasan beragama (Perkara 11), hak-hak berkaitan pelajaran (Perkara 12) dan hak terhadap harta (Perkara 13).

Begitu juga semasa penjawat awam membuat keputusan berkaitan hak sebagai warganegara, prinsip keadilan asasi perlu diambil kira. Hak untuk didengar dan keputusan itu adalah sesuatu yang munasabah. Oleh yang demikian, penjawat awam seharusnya memberikan perhatian kepada hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan semasa berurusan dengan mereka. Ini adalah penting bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang oleh pelanggan yang merasakan hak mereka telah diabaikan oleh penjawat awam. Apa yang penting ialah setiap penjawat awam tidak sewajarnya mengenepikan hak-hak warganegara yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Hakikat ini perlu difahami oleh penjawat awam supaya segala tindakan dan perkhidmatan yang diberikan adalah sejajar dengan kehendak perlumbagaan dan dapat menghalang daripada penjawat awam terdedah kepada tindakan undang-undang dan tatatertib. Kegagalan penjawat awam menghormati hak-hak perlumbagaan warganegara boleh mengundang kepada konflik yang berterusan. Ini adalah disebabkan ada pihak-pihak yang merasakan bahawa hak mereka di sisi perlumbagaan perlu dihormati walaupun tindak tanduk mereka tersebut boleh menjaskan hak-hak perlumbagaan warganegara lain dicerobohi. Bagi mengatasi masalah ini penjawat awam perlu memahami hak-hak perlumbagaan warganegara dan jika berlaku pertembungan di antara hak individu di dalam Perlumbagaan Persekutuan dengan kepentingan awam mereka seharusnya boleh menjadi perantara bagi memastikan hak individu dalam perlumbagaan selari dengan kepentingan awam. Sebagai contoh, semua warganegara mempunyai hak untuk mengemukakan pandangan dan suara masing-masing. Malahan

Perlembagaan memberi jaminan hak untuk warganegara berkumpul. Namun bagi kepentingan awam, perkumpulan tersebut hendaklah dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan misalnya Akta Perhimpunan Awam 2012. Kepentingan mengimbangkan di antara hak dalam Perlembagaan dengan hak awam telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes ***Public Prosecutor v. Yuneswaran A/L Ramaraj [2015] 1 LNS 775 [2015] MLJU 521*** pada 01 Oktober 2015 seperti berikut:

[81] To recap, the whole purpose of the PAA was to enable the right to assemble peaceably and without arms. To that end, the PAA contains procedural provisions that are regulatory in nature. The noncompliance with those procedures does not stop a citizen from exercising his right to assemble peaceably and without arms. In other words, there is really no restriction on the right to assemble peaceably and without arms in the framework of the PAA.

[82] The factual matrix of the instant appeal prove that the right to assemble peaceably and without arms is not dependent on giving notice. Hence, the requirement to give notice is not a restriction of a right to assemble per se.

[83] In this instant appeal, the respondent was not charged for being a participant in the peaceable assembly. Rather he was charged for the failure to obey a federal law, namely, section 9(5) of the PAA that required him to give prior notice. Indeed, in no way was his right to assemble peaceably and without arms thereby affected.

Oleh yang demikian adalah penting bagi penjawat awam semasa menjalankan tugas mereka mengimbangkan hak warganegara di dalam Perlembagaan dengan kepentingan awam. Di samping itu jika terdapat sebarang tindakan yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan harus dipastikan terdapat undang-undang atau

peraturan yang diluluskan oleh badan perundangan seajar dengan peruntukan undang-undang. Misalnya jika terdapat tanah rezab Melayu yang diperuntukkan kepada orang Melayu dan Bumiputera, harus dipastikan ianya dilakukan mengikut peruntukan undang-undang dan penjawat awam tidak boleh sewenang-wenangnya memutuskan apa-apa perkara berkaitan dengan isu tersebut tanpa berasaskan kepada peruntukan undang-undang. Tindakan penjawat awam menghormati hak perlembagaan adalah penting bagi memastikan tidak berlakunya ketidakharmonian perhubungan di antara kaum di negara ini. Penjawat awam tidak sewajarnya menjadi pencetus kepada ketidakpuasan hati rakyat semata-mata kerana kegagalan mereka mematuhi Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di negara ini. Sesungguhnya Perlembagaan Persekutuan memberikan panduan yang jelas dan nyata berkenaan tanggungjawab dan hak penjawat awam. Penjawat awam tidak boleh bertindak dengan membelakangkan Perlembagaan Persekutuan.

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PENJAWAT AWAM

Kanun Keseksaan yang merupakan undang-undang jenayah utama di negara ini telah memberikan bab khusus kepada kesalahan yang melibatkan penjawat awam iaitu di bawah Bab IX Seksyen 161 hingga 171. Sementara itu diperuntukkan juga kesalahan-kesalahan yang melibatkan ketidakpatuhan kepada arahan Pegawai Awam iaitu di Bab X Seksyen 172 hingga 190. Seksyen 161 Kanun Keseksaan menyatakan bahawa penjawat awam tidak dibenarkan menerima atau mendapat atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada mana-mana orang untuk dirinya atau mana-mana orang lain apa-apa jua suapan, kecuali bayaran di sisi undang-undang sebagai satu galakan atau hadiah bagi melakukan atau supaya

tidak melakukan apa-apa perbuatan rasmi atau bagi memberi atau tidak memberi pada menjalankan kerja-kerja rasminya. Dalam erti kata lain Kanun Keseksaan menjadikan satu kesalahan bagi penjawat awam menerima suapan yang merupakan bayaran atau hadiah yang tidak sewajarnya diterima oleh seorang penjawat awam. Ia membawa maksud seorang penjawat awam tidak boleh menerima apa-apa pembayaran kecuali dibenarkan di sisi undang-undang. Contohnya, seorang kakitangan awam yang menjalankan tugas rasmi berhak untuk mendapatkan bayaran tuntutan perjalanan seperti yang dibenarkan di bawah pekeliling tuntutan perjalanan. Sekiranya penjawat awam tersebut membuat tuntutan atau menerima bayaran selain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang maka bayaran tersebut adalah tidak sewajarnya diterima oleh penjawat awam tersebut disebabkan ianya termasuk di bawah suapan di dalam Seksyen 161 Kanun Keseksaan.

Sementara itu Seksyen 162 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan bahawa seseorang penjawat awam yang menerima atau mendapat atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat daripada mana-mana orang untuk dirinya atau untuk orang-orang lain apa-apa jua suapan sebagai satu galakan atau hadiah bagi mendorong dengan cara tidak jujur atau menyalahi undang-undang mana-mana penjawat awam supaya melakukan atau tidak melakukan perbuatan rasmi atau pada menjalankan kerja rasmi supaya penjawat awam itu memberi kemudahan atau kepayahan pada mana-mana orang atau supaya membeberi atau mencuba memberi perkhidmatan atau halangan pada mana-mana orang dengan kerajaan atau dengan mana-mana ahli kabinet atau ahli parlimen atau ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri atau ahli dewan undangan negeri atau dengan mana-mana penjawat awam adalah melakukan kesalahan di bawah

Seksyen 162 Kanun Keseksaan. Ini membawa maksud penjawat awam tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk mengambil suapan bagi mempengaruhi seseorang penjawat awam untuk melakukan atau tidak melakukan perkhidmatan yang perlu dilakukan oleh penjawat awam tersebut.

Seterusnya Seksyen 163 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi barangsiapa menerima suapan atau bersetuju menerima suapan bagi menggunakan pengaruh peribadinya untuk seseorang penjawat awam melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan rasmi. Ia membawa maksud tiada orang yang boleh menerima bayaran rasuah untuk membolehkan orang tersebut menggunakan pengaruhnya untuk membolehkan penjawat awam tidak menjalankan kerja-kerja rasmi atau dengan pengaruh tersebut penjawat awam menjalankan tugas-tugas rasmi. Sebagai contoh, seorang isteri kepada penjawat awam telah menerima suapan dari seseorang bagi mempengaruhi suaminya yang merupakan seorang penjawat awam bagi suaminya menjalankan tugas rasminya. Pada lazimnya suami wanita tersebut tidak akan menjalankan tugas rasminya jika tiada suapan yang diterima dari isterinya yang seterusnya mempengaruhi tindakan dan keputusan penjawat awam tersebut.

Selanjutnya Seksyen 165 Kanun Keseksaan pula menyatakan bahawa mana-mana penjawat awam tidak boleh menerima atau mendapat atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa benda yang berharga dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang dia ketahui tidak mencukupi daripada seseorang yang dia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kene-

mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan atau yang akan dijalankan oleh penjawat awam tersebut. Contoh yang jelas bagi Seksyen 165 ini ialah keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes ***Mohd Khir bin Toyo v. Pendakwaraya [2015] 8 CLJ 769***. Di dalam kes tersebut Mahkamah Rayuan telah memberikan elemen-elemen yang perlu dibuktikan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan. Pertuduhan dalam kes tersebut adalah seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 29 Mei 2007 di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, Shah Alam, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai penjawat awam iaitu Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mendapat untuk diri kamu dan isteri kamu, Zahrah Binti Kechik (650216- 08-5432), suatu barang yang berharga dengan suatu balasan yang kamu ketahui tidak mencukupi iaitu lot 2 tanah dan sebuah rumah yang terletak di alamat No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, daripada Ditamas Sdn. Bhd. melalui Shamsudin Bin Hayroni, Pengarah Ditamas Sdn. Bhd., dengan harga RM3.5 juta sedangkan harta tersebut telah dibeli oleh Ditamas Sdn. Bhd. pada Disember 2004 dengan harga RM6.5 juta, yang mana kamu mengetahui bahawa Shamsudin Bin Hayroni mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.”

Yang Arif Hakim Jefrey Tan telah memberikan elemen kesalahan Seksyen 165 Kanun Keseksaan seperti yang berikut:

“...Therefore, the ingredients of an offence under section 165 of the Code are the following: (i) the accused, being a public servant, (ii) accepts or obtains, or agrees to accept or attempts to obtain, for himself or for any other person, any valuable thing, (iii) without consideration, or for a consideration which he knows to be inadequate, (iv) from any person whom he knows to have been, or to be, or to be likely to be concerned in any proceeding or business

transacted, or about to be transacted, by such public servant, or having any connection with the official functions of himself or of any public servant to whom he is subordinate, or from any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned.

Seksyen 166 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan bahawa seorang penjawat awam dengan pengetahuannya sengaja mengingkari apa-apa arahan undang-undang tentang cara bagaimana dia perlu menjalankan pekerjaannya sebagai penjawat awam dengan maksud hendak menyebabkan atau dengan pengetahuannya mungkin keingkarannya itu boleh menyebabkan bencana kepada seseorang merupakan satu kesalahan. Begitu juga Seksyen 167 memperuntukkan bahawa seseorang penjawat awam yang ditugaskan menyediakan atau penterjemah apa-apa dokumen, merangka atau menterjemahkan dokumen itu dengan pengetahuannya mengetahui bahawa ianya tidak betul dengan maksud untuk menyebabkan bencana kepada mana-mana orang adalah melakukan kesalahan. Sebagai contoh mana-mana penjawat awam yang menterjemah mana-mana dokumen dari satu bahasa ke bahasa yang lain dengan sengaja menterjemah secara tidak betul sehingga menyebabkan mana-mana pihak hilang haknya di sisi undang-undang ia adalah merupakan kesalahan.

Seterusnya Seksyen 168 menghalang mana-mana penjawat awam yang tidak dibenarkan menjalankan perniagaan oleh undang-undang sekiranya menjalankan perniagaan boleh dijatuhi hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Sebagai contoh seorang penjawat awam yang menjalankan tugas bagi memutuskan pemberian tender kepada syarikat yang berurusan dengan

jabatan yang berkenaan. Penjawat awam tersebut tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan yang mempunyai kaitan dengan barang yang menjadi isu di dalam tender tersebut. Begitu juga penjawat awam juga dilarang daripada terlibat dalam membeli atau menawar membeli harta dengan menyalahi undang-undang. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 169 Kanun Keseksaan.

Sementara itu Seksyen 217 Kanun Keseksaan pula menyatakan pula semua penjawat awam tidak boleh mengingkari satu arahan undang-undang bagi melindungi mana-mana pesalah yang telah dihukum di bawah undang-undang. Begitu juga penjawat awam yang terlibat dalam satu prosiding kehakiman tidak boleh membuat perintah atau keputusan dan laporan yang beliau mengetahui berlawanan dengan undang-undang. Penjawat awam juga yang terikat di sisi undang-undang untuk menangkap seseorang tidak boleh dengan sengaja meninggalkan tanggungjawab daripada menangkap orang itu. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 221 Kanun Keseksaan. Seterusnya Seksyen 222 Kanun Keseksaan menyatakan seorang penjawat awam yang terikat untuk menangkap seseorang yang telah dijatuhi hukuman oleh Mahkamah tidak boleh dengan sengaja meninggalkan daripada menangkap orang tersebut. Begitu juga penjawat awam tidak boleh membiarkan seseorang lari daripada pengurungan dan memudahkan atau membolehkan apa-apa tindakan pengganas seperti di bawah Seksyen 223 Kanun Keseksaan.

Sementara itu di dalam bab 10 Kanun Keseksaan pula memperihalkan tindakan-tindakan pihak awam yang boleh dikategorikan sebagai menghina kuasa yang sah bagi penjawat-penjawat awam. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 172 berkaitan dengan tindakan melarikan diri

dari disampaikan saman atau lain-lain surat perintah daripada penjawat awam. Begitu juga penjawat awam tidak boleh ditahan daripada menyampaikan saman atau surat perintahan lain kepada orang awam. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 173 Kanun Keseksaan.

Salah satu peruntukan undang-undang yang penting terhadap penjawat awam semasa melakukan tugas mereka ialah Seksyen 174 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa seseorang yang tidak menurut perintah seorang penjawat awam bagi menghadirkan diri adalah melakukan kesalahan yang apabila disabitkan kesalahan boleh dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai enam bulan atau dengan denda yang boleh sampai RM20,000.00 atau dengan keduaduanya. Oleh yang demikian penjawat awam tidak sepatutnya memberi alasan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk memerintahkan kehadiran mana-mana pihak di hadapan mereka. Jika notis pemberitahuan berkenaan kehadiran seseorang telah diserahkan dengan teratur maka penjawat awam tersebut boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 174. Ini dapat mengelakkan orang awam memandang enteng kepada notis yang dikeluarkan oleh penjawat awam untuk hadir sebarang prosiding atau tindakan yang dikendalikan oleh sesuatu jabatan kerajaan. Kegagalan penjawat awam menggunakan Seksyen 174 Kanun Keseksaan ini akan menyebabkan pihak-pihak yang berurusan dengan jabatan tersebut akan kecewa kerana ketidakhadiran sesuatu pihak tidak boleh diambil tindakan oleh penjawat awam. Sebenarnya peruntukan undang-undang sudah jelas berkenaan perkara tersebut. Apa yang penting adalah perlu ada koordinasi di antara jabatan-jabatan yang berkaitan agar orang awam memandang serius akibat ketidakhadiran mereka di dalam sesuatu prosiding atau urusan di sesebuah jabatan kerajaan.

Orang awam juga dikehendaki mengemukakan apa-apa dokumen yang diminta oleh seseorang penjawat awam yang sah di segi undang-undang. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 175 Kanun Keseksaan. Begitu juga orang awam tidak boleh memberi maklumat palsu kepada penjawat awam (Seksyen 177) juga tidak boleh enggan mengangkat sumpah apabila dikehendaki oleh penjawat awam (Seksyen 178). Seterusnya orang awam juga tidak boleh enggan menjawab seorang penjawat awam yang berkuasa menyoal (Seksyen 179). Mereka juga tidak boleh enggan menandatangani kenyataan pada penjawat awam (Seksyen 180). Mereka juga tidak boleh membuat kenyataan palsu dengan sumpah kepada penjawat awam (Seksyen 181). Orang awam juga tidak boleh memberikan maklumat palsu dengan niat menyebabkan seorang penjawat awam menggunakan kuasanya yang sah di sisi undang-undang sehingga mendatangkan bencana kepada orang lain (Seksyen 182). Begitu juga orang awam tidak boleh menghalang seseorang penjawat awam menjalankan proses pengambilan harta yang sah di sisi undang-undang (Seksyen 183). Begitu juga penjawat awam tidak boleh dihalang untuk menjual harta yang ditawarkan untuk jualan atas kuasa yang sah di sisi undang-undang (seksyen 184). Begitu juga orang awam tidak boleh membeli atau menawar beli dengan menyalahi undang-undang harta yang ditawarkan untuk jualan oleh seorang penjawat awam (Seksyen 185).

Kanun Keseksaan juga memperuntukkan bahawa tindakan sesiapa dengan sengaja menghalang penjawat awam dalam menjalankan fungsi jawatannya adalah satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dijatuhi hukuman pemerintahan boleh sampai dua tahun atau dengan denda yang boleh sampai RM10,000.00 atau dengan kedua-dua sekali. Contoh yang

dapat dilihat di bawah Seksyen 186 ini adalah pertuduhan yang dikemukakan dalam kes ***PP v. Mohamad Sabu [2012] 5CLJ 246***. Di dalam kes tersebut pertuduhannya adalah seperti berikut:

Bahawa kamu pada 9hb Disember 2007, jam lebih kurang 7.45 malam, di hadapan Plaza Tol (PLUS) Bukit Tambun, laluan keluar lebuhraya PLUS (Kuala Lumpur-Pulau Pinang), di dalam Daerah Seberang Perai Selatan, dalam Negeri Pulau Pinang, telah menghalang penjawat awam, iaitu Supt. Mohd Nasir bin Salleh dalam melaksanakan waran tangkap terhadap kamu yang di keluarkan oleh Mahkamah Majistret Jalan Duta, Kuala Lumpur: rujuk 239-07, yang mana pegawai polis ini adalah sebagai penjawat awam yang di beri kuasa menyampaikan waran tangkap itu terhadap kamu seperti yang telah diperuntukan kuasa di bawah Seksyen 40(1) Kanun Acara Jenayah (Akta 593). Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

Di dalam kes tersebut Mahkamah Tinggi mengekalkan pembebasan dan pelepasan tertuduh seperti yang diputuskan Mahkamah Sesyen. Ia berdasarkan kepada kesilapan di dalam pertuduhan di samping keterangan yang gagal membuktikan kesalahan tersebut disebabkan kredibiliti seorang saksi di dalam kes tersebut. Namun demikian adalah wajar sekiranya difahami bahawa bagi kesalahan di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan harus membuktikan perkara-perkara berikut:

1. Tindakan menghalang penjawat awam
2. Pada masa tersebut penjawat awam sedang menjalankan tugas sebagai penjawat awam
3. Halangan tersebut dilakukan secara sukarela.

Rasional kepada Seksyen 186 ini dapat dilihat melalui penghakiman Yang Arif Raja Azlan Shah di dalam kes ***Tan Teck Yam v. Public Prosecutor [1967] 1 LNS 186*** seperti berikut:

For an offence under s. 186 of the Penal Code the prosecution has to prove the following: (1) that there was obstructing of a public servant, (2) that the public servant was at that time discharging his public function, and (3) that the person obstructing did so voluntarily. It is in my view clear that to obstruct under s. 186 of the Penal Code is to do an act which makes it more difficult for a public servant to carry out his duties.

Seterusnya orang awam juga tidak boleh meninggalkan daripada menolong penjawat awam apabila terikat dengan undang-undang untuk memberi pertolongan. Sebagai contoh seorang yang mempunyai maklumat mengenai satu perlakuan jenayah dan diminta oleh penguatkuasa undang-undang untuk membantu bagi mendapatkan keterangan berkenaan kesalahan tersebut. Dalam contoh di atas orang awam berkewajipan untuk membantu penjawat awam tersebut.

Seterusnya orang awam juga tidak boleh mengingkari suatu perintah yang diisytiharkan oleh penjawat awam (Seksyen 188 Kanun Keseksaan) dan akhirnya Seksyen 189,190 menjadikan kesalahan kepada mana-mana orang awam membuat ugutan bencana kepada penjawat awam atau mendorong ugutan bagi mana-mana penjawat awam. Selain daripada itu bagi penjawat awam yang sedang menjalankan perbicaraan kehakiman bagi mana-mana peringkat juga dihalang daripada dihina atau diganggu oleh orang awam. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 228 Kanun Keseksaan.

Satu lagi peruntukan yang jelas berkaitan dengan penjawat awam ialah Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu pecah amanah oleh penjawat awam atau ejen. Seksyen tersebut adalah seperti berikut:

409. Pecah amanah jenayah oleh penjawat awam atau ejen.

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, atas sifatnya sebagai seorang penjawat awam atau seorang ejen, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan dengan sebat, dan hendaklah juga dikenakan denda.

Peruntukan ini banyak melibatkan kakitangan atau penjawat awam yang terlibat dengan kewangan atau yang diamanahkan dengan wang hasil daripada bayaran yang dibuat kepada sesebuah jabatan. Misalnya di dalam kes ***Suraina bt Adenan v Public Prosecutor [2015] 11 MLJ 129***, Mahkamah Tinggi Miri telah mengesahkan sabitan yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen apabila seorang penjawat awam telah dikatakan melakukan pecah amanah oleh penjawat awam yang melibatkan wang berjumlah RM41,130.00. Fakta dalam kes tersebut menunjukkan bahawa tertuduh telah bekerja sebagai Pembantu Tadbir Kewangan gred W17 di sebuah jabatan di Miri Sarawak. Keterangan menunjukkan bahawa hasil daripada laporan audit sebanyak lebih daripada RM700,000.00 telah didapati tidak dapat ditemui pada tarikh-tarikh di mana tertuduh dikatakan melakukan pecah amanah. Berdasarkan keterangan juga bahawa tertuduh tidak menyediakan penyata pemungut pada jumlah RM41,130.00 pada tarikh tersebut. Laporan audit juga menunjukkan bahawa tertuduh tidak membuat bayaran atau memasukkan ke dalam bank jumlah wang tersebut yang beliau terima daripada juruwang. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan tersebut Mahkamah Tinggi Miri telah mengesahkan sabitan Mahkamah Sesyen dan menjatuhkan hukuman penjara kepada dua tahun penjara bagi setiap tuduhan yang kesemuanya berjumlah enam tahun. Satu aspek yang perlu dilihat oleh penjawat awam dalam konteks kesalahan di

bawah Kanun keseksaan adalah kemungkinan penjawat awam tanpa disedari telah terlibat di dalam kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh orang awam di dalam memalsukan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam. Sebagai contoh sijil menguburkan mayat, sijil kematian, sijil kelahiran dan dokumen-dokumen lain. Oleh yang demikian kakitangan awam perlu berhati-hati dan memastikan semua prosedur-prosedur yang ditetapkan bagi pengeluaran dokumen-dokumen tersebut perlu dipatuhi. Mereka juga harus berhati-hati dan tidak melakukan sebarang kecuaian yang boleh mendorong kepada pemalsuan dokumen-dokumen kerajaan. Sebagai contoh di dalam kes ***Sanjeev Kumar a/l Veerasingam v Public Prosecutor and other appeals [2015] 2 MLJ 589***, telah didapati bahawa terdapat kesalahan yang melibatkan pemalsuan dokumen kematian yang pada hakikatnya orang yang disebutkan dalam sijil kematian tersebut masih hidup. Namun demikian di dalam keterangan yang dikemukakan didapati bahawa kakitangan awam yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil tersebut telah mematuhi prosedur-prosedur yang sepatutnya. Ia telah menghalang daripada penjawat awam dikatakan sebagai terlibat menjadi penjenayah di dalam kes tersebut.

Berdasarkan kepada perbincangan peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Keseksaan berkaitan dengan penjawat awam adalah jelas menunjukkan bahawa undang-undang memberikan tanggungjawab kepada penjawat awam. Malahan sekiranya penjawat awam menyalahi tanggungjawab tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan ia boleh membawa kepada pertuduhan jenayah di Mahkamah. Pada masa yang sama terdapat juga peruntukan yang menjamin penjawat awam semasa menjalankan tugas mereka. Oleh yang demikian penjawat awam seharusnya sentiasa peka mengenai peruntukan undang-undang di

bawah Kanun Keseksaan bagi memastikan mereka tidak dipertanggungjawabkan dengan sebarang perlakuan jenayah yang melibatkan penjawat awam. Apa yang lebih penting adalah kakitangan awam perlu jujur dan ikhlas dalam melakukan tanggungjawab tanpa meletakkan kepentingan peribadi atau kumpulan melebihi daripada kepentingan negara. Pada masa yang sama mereka juga perlu memastikan tidak digunakan oleh mana-mana pihak untuk dijadikan alat bagi melanggar mana-mana peruntukan perundangan negara.

Kini terdapat beberapa peruntukan yang pelu diberikan perhatian oleh penjawat awam agar mereka tidak terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan terhadap negara terutamanya aktiviti yang boleh memudaratkan demokrasi berparlimen di bawah Seksyen 124B sehingga 124C, 124D, 124E, 124F, 124J perlu diberikan perhatian. Seksyen-seksyen yang berkenaan dinyatakan di bawah Bab VI iaitu kesalahan-kesalahan terhadap negara. Ia juga meliputi kesalahan sabotaj di bawah Seksyen 124K dan cubaan melakukan sabotaj di bawah Seksyen 124L. Apa yang menarik ialah di bawah Seksyen 130A(h) telah memberikan takrifan sabotaj seperti berikut:

(h) “ Sabotaj” bermaksud -

- (a) suatu perbuatan atau peninggalan yang berniat untuk menyebabkan kemudaratian-
 - i. untuk kepentingan kuasa asing atau organisasi asing;
 - ii. kepada premis atau utiliti yang digunakan untuk pertahanan negara atau untuk peperangan; atau
 - iii. kepada penyenggaraan perkhidmatan penting; atau
- (b) dengan sedar menghasilkan bahan-bahan, premis atau utiliti yang rosak yang digunakan untuk pertahanan negara atau untuk peperangan;

Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah kes-kes dibawah Bab VI ini adalah dibicarakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Oleh yang demikian penjawat awam perlu mengelakkan diri daripada terlibat di dalam kegiatan yang melibatkan pertubuhan pengganas atau tindakan yang boleh menjelaskan keselamatan negara.

Selain daripada Kanun Keseksaan terdapat juga kesalahan-kesalahan khusus melibatkan penjawat awam misalnya Akta Rahsia Rasmi 1972, dan Akta Hasutan 1948. Penjawat awam harus berwaspada ketika berurusan dengan dokumen-dokumen rasmi kerajaan dan maklumat-maklumat sulit yang tidak sewajarnya didedahkan kepada pengetahuan umum. Dalam dunia yang penuh dengan teknologi yang melibatkan media sosial seperti *Twitter*, *Whatsapp* dan *Facebook* memudahkan maklumat-maklumat sedemikian disebarluaskan atau dijadikan sesuatu yang “viral” sehingga boleh menjelaskan keselamatan negara atau mededahkan maklumat sulit kepada pihak yang tidak sewajarnya mengetahui maklumat tersebut. Oleh yang demikian penjawat awam yang mengendalikan dokumen-dokumen sulit dan rahsia perlu mematuhi dengan ketat Arahan Keselamatan dan Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sesungguhnya undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan jenayah yang melibatkan penjawat awam tidak sekali-kali bertujuan untuk menyekat kebebasan mereka sebagai warganegara yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya ia bertujuan untuk menjamin integriti para penjawat awam disamping memelihara keutuhan pentadbiran

kerajaan. Ini bagi mengelakkan terdapatnya unsur-unsur yang boleh mengganggu gugat kestabilan pemerintahan Malaysia. Para penjawat awam perlu mematuhi undang-undang tersebut dan berasa bangga menjadi sebahagian daripada anggota perkhidmatan awam Malaysia yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kejayaan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan.

UNDANG-UNDANG SIVIL DAN PENJAWAT AWAM

Semasa menjalankan tugas , penjawat awam terdedah dengan para pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan daripada mereka. Adalah tidak dapat dinafikan semasa menjalankan tugas tersebut para pelanggan mungkin merasakan berlaku kecuaian atau kesilapan telah dilakukan oleh para penjawat awam. Ini boleh menyebabkan mereka mengemukakan tuntutan saman sivil di Mahkamah. Oleh itu semasa menjalankan tugas penjawat awam perlu berhati-hati daripada terdedah kepada tuntutan sivil oleh orang awam. Misalnya seorang guru yang mengajar di sekolah adalah terdedah untuk diambil tindakan sivil jika ibu bapa merasakan bahawa anak mereka telah dilakukan tindakan fizikal oleh guru tersebut sehingga mendatangkan kecederaan kepada anak mereka. Di samping itu, para guru juga tidak sewajarnya menyebarkan hasil kerja anak murid mereka yang tidak memuaskan dengan tujuan untuk memalukan anak murid tersebut. Contohnya, jawapan-jawapan yang diberikan anak murid mereka yang mungkin melucukan atau menunjukkan tahap pemikiran yang rendah tidak wajar disebarluaskan melalui *Whatsapp* atau media sosial yang lain sehingga boleh mengundang tindakan undang-undang oleh ibu bapa murid tersebut. Dalam contoh di atas para pendidik seharusnya mempunyai tahap profesionalisma yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka dan

mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan bagi mengelakkan mereka terdedah kepada tindakan saman sivil.

Begitu juga bagi para pegawai perubatan perlu memastikan sebarang rawatan yang diberikan kepada pesakit adalah mengikuti standad yang ditetapkan. Adalah penting bagi mereka mengelakkan daripada terlibat dengan kecuaian perubatan. Misalnya tertinggal peralatan pembedahan semasa pembedahan pesakit, maklumat yang tidak lengkap kepada pesakit sehingga pesakit membuat keputusan yang tidak tepat berkenaan rawatan yang perlu diambil. Jika ini berlaku di hospital kerajaan, Pihak Kerajaan akan menjadi salah satu pihak yang disaman dan pegawai perubatan terebut akan menjadi salah seorang pihak dalam kes tersebut. Oleh yang demikian adalah penting untuk penjawat awam untuk menjalankan tugas dengan megikut arahan pada awalnya lagi dan tidak mengambil sikap sambil lewa sehingga memberi peluang kepada orang awam untuk mengemukakan tuntutan saman di Mahkamah Sivil. Apa yang perlu diberi perhatian oleh penjawat awam ialah tidak semua kecuaian yang dilakukan oleh penjawat awam akan menyebabkan pihak kerajaan akan bertanggungjawab terus dan boleh dinamakan sebagai pihak di dalam suatu tindakan sivil. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Seksyen 5 adalah seperti berikut:

Section 5. Liability of the Government in tort.

Subject to this Act, the Government shall be liable for any wrongful act done or any neglect or default committed by any public officer in the same manner and to the same extent as that in which a principal, being a private person, is liable for any wrongful act done, or any neglect or default committed by his agent, and for the purposes of this section and without prejudice to the generality thereof, any public officer acting or purporting in good faith to be

acting in pursuance of a duty imposed by law shall be deemed to be the agent of and to be acting under the instructions of the Government.

Sementara Seksyen 6 pula memerlukan seperti berikut:

Section 6. Limits of liability of the Government.

(1) No proceedings shall lie against the Government by virtue of section 5 in respect of any act, neglect or default of any public officer, unless proceedings for damages in respect of such act, neglect or default would have lain against such officer personally.

(2) Any written law which negatives or limits the amount of the liability of any public officer in respect of any act, neglect or default committed by that officer shall, in the case of proceedings against the Government under section 5 in respect of such act, neglect or default of such officer, apply in relation to the Government as it would have applied in relation to such officer if the proceedings against the Government had been proceedings against such officer.

(3) No proceedings shall lie against the Government by virtue of section 5 in respect of anything done or omitted to be done by any person while discharging or purporting to discharge any responsibilities of a judicial nature vested in him, or any responsibilities which he has in connection with the execution of judicial process.

(4) No proceedings shall lie against the Government by virtue of section 5 in respect of any act, neglect or default of any public officer, unless that officer was at the material time employed by the Government and paid in respect of his duties as an officer of the Government wholly out of the revenues of the Government, or any fund certified by the appropriate financial officer for the purposes of this subsection or was at the material time holding an office in

respect of which the appropriate financial officer certifies that the holder thereof would normally be so paid.

(5) *For the purposes of subsection (4) the expression "appropriate financial officer" means, in respect of the Federal Government, the Minister of Finance, and in respect of the Government of a State, the State Financial Officer, and, in the case of the States of Sabah and Sarawak, the State Minister responsible for finance.*

Ini adalah penting diberi perhatian oleh penjawat awam jika penjawat awam melakukan kecuaian atau kesalahan yang berkaitan dengan undang-undang tort di luar daripada skop tugas penjawat awam tersebut, pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab malahan penjawat awam itu sendiri yang perlu dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang. Misalnya, seorang penjawat awam yang menggunakan kenderaan jabatan untuk tujuan peribadi di luar waktu pejabat dan terlibat di dalam kemalangan jalanraya. Dalam contoh di atas, penjawat awam itu sendiri yang bertanggungjawab untuk tuntutan gantirugi daripada mangsa kemalangan itu tersebut. Hal ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Samin bin Hassan v. Government of Malaysia [1976] 1 LNS 139**. Sebaliknya jika kesalahan tort itu dilakukan semasa penjawat awam tersebut menjalankan tugas maka pihak kerajaan akan turut bertanggungjawab di atas perbuatan penjawat awam tersebut. Misalnya seorang pegawai penyiasat pihak penguatkuasa menjalankan siasatan ke atas seorang orang awam dan semasa siasatan itu orang awam tersebut telah mengalami kecederaan ekoran daripada tindakan penjawat awam tersebut, maka pihak kerajaan boleh dinamakan sebagai salah satu pihak di dalam tuntutan sivil orang awam tersebut. Hal ini telah dinyatakan oleh

Mahkamah Rayuan di dalam kes **Zulkiply Taib & Anor v. Prabakar Bala Krishna & Ors Aand Other Appeals [2015] 2 CLJ 766.**

Sementara itu bagi penjawat awam yang membuat keputusan-keputusan berkenaan dengan tindakan-tindakan pentadbiran seperti membatalkan lesen perlu sedar bahawa keputusan mereka adalah tertakluk kepada semakan kehakiman oleh Mahkamah Tinggi sekiranya pihak yang menerima keputusan tersebut tidak berpuashati dengan cara keputusan itu dibuat. Dalam konteks ini haruslah dipastikan bahawa keputusan tersebut dibuat berdasarkan prosedur-prosedur yang ditetapkan dan tidak mengenepikan prinsip-prinsip keadilan asasi dan hak untuk didengar. Jika prinsip-prinsip tersebut dipatuhi adalah sukar untuk orang awam berjaya dalam tindakan mereka ketika mengemukakan permohonan semakan kehakiman.

Sebenarnya jika penjawat awam menjalankan tugas dengan teliti, mengikut prosedur yang ditetapkan, tidak membelakangkan undang-undang, ia boleh membantu pihak kerajaan daripada terpaksa mengeluarkan wang bagi bayaran ganti rugi kepada pihak yang mengalami kerugian ekoran daripada kecuaian dan ketidakpatuhan peraturan oleh penjawat awam semasa menjalankan tugas. Penjawat awam perlu memberi kerjasama yang serius dalam usaha untuk meminimumkan bayaran gantirugi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan ekoran daripada kelalaian penjawat awam.

Begitu juga semasa memberikan perkhidmatan, kakitangan awam akan memperolehi maklumat-maklumat peribadi para pelanggan mereka. Ada di antara maklumat-maklumat tersebut adalah terlalu peribadi yang

tidak ingin diketahui oleh orang lain melainkan kakitangan awam tersebut sahaja. Oleh yang demikian adalah mustahak untuk kakitangan awam tersebut untuk tidak menyebarkan luaskan maklumat tersebut. Melainkan sekiranya ia dikehendaki oleh undang-undang untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada pihak ketiga. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 adalah tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini dapat dilihat di bawah Seksyen 3 Akta tersebut seperti berikut:

Seksyen 3. Ketidakpakaian (1) Akta ini tidaklah terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. (2) Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia.

Walau bagaimanapun jika penjawat awam melakukan apa-apa tindakan yang boleh dikategorikan sebagai penyebaran maklumat-maklumat yang tidak sewajarnya disebarluaskan kepada pihak ketiga boleh diambil tindakan sama ada di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 dan undang-undang bertulis yang lain. Apa yang penting adalah kakitangan awam tidak sewajarnya menyebarkan maklumat-maklumat yang diberikan oleh orang awam kepada mereka semasa menjalankan tugas rasmi sebagai penjawat awam. Tindakan segelintir penjawat awam yang dengan sewenang-wenangnya menyebarkan maklumat peribadi para pelanggan sudah tentu menjelaskan keyakinan orang awam kepada integriti dan kerahsiaan maklumat-maklumat yang diberikan kepada kakitangan awam. Ini secara tidak langsung memberi perspektif buruk orang awam kepada pentadbiran kerajaan.

Penjawat awam semasa menjalankan tugas adalah berurusan dengan kuasa yang diberikan oleh undang-undang. Ada masanya pihak yang berurusan dengan penjawat awam mencadangkan atau mendesak penjawat awam tidak mematuhi undang-undang bagi memenuhi matlamat tertentu pihak tersebut. Pada masa itu penjawat awam berada di dalam persimpangan sama ada perlu mematuhi desakan atau tuntutan pihak tersebut atau terus mengenepikan undang-undang. Adalah tidak dapat dinafikan kadangkala undang-undang memberikan budi bicara di dalam menjalankan tugas mereka. Namun ia tidak bermakna bahawa undang-undang boleh diketepikan. Budi bicara tersebut perlulah dilakukan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Penjawat awam tidak sewajarnya meletakkan kepentingan peribadi atau kumpulan sehingga membelakangkan undang-undang yang menjadi asas kepada tindakan mereka. Jika ada pihak yang mendesak mereka supaya membelakangkan undang-undang, penjawat awam haruslah berani dan tegas serta menjelaskan kepada pihak tersebut bahawa para penjawat awam hanya menjalankan tugas yang diberikan oleh undang-undang dan tidak sewajarnya mengenepikan kehendak undang-undang tersebut. Jika semua penjawat awam boleh bergerak dan bertugas dengan jujur dan amanah serta patuh kepada undang-undang ia menjanjikan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang mempunyai kerukunan undang-undang dan berperaturan. Ia akan dapat melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang berintegriti tidak dapat menerima perbuatan yang menyalahi undang-undang dan sentiasa menegakkan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

KESIMPULAN

Sesungguhnya undang-undang dan penjawat awam adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Keberkesanannya sesuatu undang-undang adalah bergantung kepada komitmen yang diberikan oleh kakitangan awam dalam melaksanakan undang-undang tersebut. Pada masa yang sama peruntukan undang-undang berkaitan dengan penjawat awam diwujudkan bagi menjadi mekanisme untuk memastikan penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan selesa di samping tidak mengambil kesempatan dengan menidakkannya hak-hak rakyat di bawah undang-undang. Para penjawat awam perlu insaf dan sedar bahawa mereka perlu memberi perhatian yang serius kepada peranan menggerakkan masyarakat yang menghormati undang-undang.

Penjawat awam juga perlu sedar bahawa segala emolumen, gaji dan elaun-elaun yang dibayar adalah bersumberkan dana yang disumbangkan oleh rakyat melalui pelbagai cukai yang dikenakan. Oleh yang demikian, para penjawat awam perlu memastikan pada setiap masa menunaikan tanggungjawab sebagai penjawat awam dengan tidak mengenepikan peruntukan undang-undang dan sentiasa memikirkan kaedah yang sesuai untuk memastikan rakyat menikmati kehidupan yang aman dan sentosa di negara Malaysia yang bertuah ini. Penjawat awam tidak sewajarnya memberi cerminan yang buruk kepada keseluruhan sistem pentadbiran kerajaan dengan setiap masa melakukan tindakan yang tidak sejajar dengan kehendak undang-undang.